

01/02/2000

Fidel Castro pelawa PM hadir sidang G77

KUALA LUMPUR, Isnin - Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menerima jemputan khas daripada Presiden Cuba, Fidel Castro, untuk menghadiri mesyuarat negara Kumpulan 77 (G77) di Cuba April ini.

Jemputan itu disampaikan wakil Castro, Ramirez Ramos Miguel, ketika mengunjungi Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, di Wisma Putra hari ini.

Bercakap kepada pemberita selepas pertemuan itu, Syed Hamid berkata Castro mengalu-alukan kehadiran Dr Mahathir kerana Perdana Menteri lantang mempertahankan kepentingan dan hak negara membangun.

Syed Hamid berkata, mesyuarat G77 yang akan bermula dari 11 hingga 14 April ini, antara lain akan membincangkan kesan serta pengaruh globalisasi dan amalan perdagangan bebas terhadap negara G77.

"Hakikatnya, globalisasi dan perdagangan bebas memang tidak boleh disekat, tetapi negara dunia ketiga dan negara membangun perlu menggembleng tenaga supaya tidak ketinggalan atau ditindas negara maju.

"Kewibawaan Dr Mahathir dalam mempertahankan hak negara membangun dan negara dunia ketiga menjadikan beliau wakil penting dalam G77 bagi menjamin globalisasi dan perdagangan bebas tidak memudaratkan anggotanya.

"G77 juga akan menjadi forum persediaan bagi membolehkan negara anggota memainkan peranan yang lebih bermakna dalam Perhimpunan Agung Bangsa-Bangsa Bersatu di New York, September ini," katanya.

Katanya, kegagalan persidangan Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO) di Seattle, Washington baru-baru ini wajar dijadikan iktibar untuk mewujudkan usaha bersepadu bagi memastikan hak G77 tidak terpinggir.

Mengenai rangka lawatannya ke Oman, Mesir dan Algeria baru-baru ini, Syed Hamid berkata beberapa persefahaman baru termeterai bagi mengeratkan lagi hubungan dagangan dan kerjasama dua hala.

Beliau melawat Oman antara 21 hingga 23 Januari, diikuti Mesir (23 hingga 26 Januari) dan Algeria dari 26 hingga 29 Januari.

Katanya, perjumpaan beliau dengan Presiden Mesir, Hosni Mubarak, mencapai kata sepakat menggerakkan semula Mesyuarat Jawatankuasa Bersama yang dimulakan pada 1977.

Syed Hamid turut mengadakan perjumpaan dengan rakan sejawatnya, Amr Moussa dan Menteri Ekonomi, Yusof Boutros Ghali selain berbincang mengenai perjumpaan Kumpulan Kerjasama Selatan-Selatan (G15) yang akan berlangsung di Kaherah, Jun ini.

Menurutnya, ketiga-tiga negara terbabit berminat menjalin hubungan dagangan, khususnya di bidang pelancongan dan industri petrokimia, selain menggalakkan kemasukan pelabur dari Malaysia.

(END)